



WAKIL penganjur bersama kumpulan penyelidik UPM

Sistem tuai air hujan di sekolah

DALAM usaha memupuk kesedaran terhadap program kitar semula dan mempromosi cara hidup lebih lestari, pelbagai pihak menggembeng usaha dan tenaga bagi melaksanakan aktiviti yang dianggap dapat menyumbang kepada kejayaan tersebut.

Usaha tersebut bukan sahaja perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat secara umumnya, tetapi bagi memastikan ia mencapai matlamat yang diharapkan, sasaran perlu ditujukan kepada golongan muda, khususnya golongan pelajar.

Satu daripada konsep kitar semula yang kini mula diperkenal adalah penggunaan air hujan yang dikutip atau dituai untuk pelbagai tujuan terutama penyiraman. Air hujan meskipun memerlukan proses tertentu sebelum dapat diminum tetapi ia masih boleh digunakan terus untuk penyiraman dan membasuh.

Universiti Putra Malaysia (UPM) melihat konsep tersebut

sebagai wajar untuk diperkenal di sekolah bagi memberi pendedahan kepada golongan pelajar mengenai pentingnya program kitar semula.

Untuk tujuan itu, sekumpulan penyelidik universiti berkenaan baru-baru ini menganjurkan program mengutip air hujan dari bangunan sekolah dan Sekolah Kebangsaan (SK) Chabau, Melaka dipilih sebagai sekolah pertama di negeri itu melaksanakan sistem penuaian air hujan di bangunan sekolah.

Program tersebut dijalankan menerusi projek yang diketuai oleh **Prof. Madya Dr. Sarva Mangala Praveena**.

Projek tersebut dilaksanakan bersama pensyarah UPM yang lain iaitu Dr. Irniza Rasdi, Dr. Karmegam Karuppiah serta staf sokongan yang lain dengan kerjasama pensyarah Universiti Teknikal Melaka (Utem), Dr. Tee Boon Tuan.

Ia merupakan pendekatan terbaik pihak sekolah dan sebagai inisiatif dalam membimbing generasi muda

mengenai pemuliharaan air. Pelaksanaannya mampu memberi manfaat terhadap persekitaran dan kebaikan kepada sekolah, antaranya membantu mengurangkan penggunaan air bersih, serta mengurangkan bil air dan beban kerajaan ke atas infrastruktur dan binaan kos.

Projek penuaian air hujan di SK Chabau itu adalah Program *Eco-Schools* dengan kerjasama UPM, Dana Sedunia Alam Semula Jadi (Malaysia), Green Growth Asia Foundation, Utem serta Persatuan Transformasi Masyarakat dan Industri Melalui Pendidikan dan Penyelidikan.

Program dilancarkan oleh Timbalan Dekan (Siswazah dan Jaringan Industri dan Masyarakat), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM, **Prof. Dr. Shamsul Bahri Mohd. Tamrin** bersama Pegawai Eksekutif Green Growth Asia Foundation, Bala Murugan Rathakrishnan.

Dr. Shamsul Bahri berkata, selain mengurangkan bil air, sistem penuaian air hujan dapat juga mengajar kepentingan penggunaan air bersih di sekolah. Bagi Guru Besar

SK Chabau, **Ishammuddin Ab. Hadi**, program tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti kurikulum dalam mengajar murid mengenai kepentingan alam sekitar.

Dalam pada itu, Dr. Sarva Mangala berkata, pelaksanaan program mesra alam itu mampu mengurangkan amaun dan kos penggunaan air bersih di sekolah dan berharap kesedaran mengenai penjimatan penggunaan air bersih akan dapat dipertingkatkan terutama dalam kalangan komuniti sekolah.

Melaka menyasarkan penyertaan 100 buah sekolah dalam menjayakan program *Eco-Schools* pada peringkat negeri yang dilancarkan pada 2017. Ia akan diteruskan dengan penyertaan empat buah sekolah iaitu SK Padang Temu, SK Durian Tunggal dan SK Iskandar Shah.

Sementara itu, beberapa program pendidikan mengenai pemuliharaan air turut diadakan semasa pelancaran projek penuaian air hujan di SK Chabau itu, antaranya membuat prototaip, pertandingan mewarna, bermain kuiz dam dan kuiz penjimatan air bersih.

Aktiviti disertai pelajar-pelajar darjah tiga, empat, lima dan enam dengan dibantu oleh penyelarasan program di sekolah serta Kelab Envoh FPSK (UPM) yang bertujuan meningkatkan tahap kesedaran pelajar mengenai pemuliharaan.

DR. SHAMSUL BAHRI memeriksa air hujan yang digunakan untuk penyiraman pokok



PELAJAR SK Chabau bersama pembimbing dan wakil penganjur merakam gambar kenangan di hadapan bangunan sekolah.

